

09 MAY 1998

LAPORAN MINGGUAN BSKL

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Prestasi Bursa Saham Kuala Lumpur minggu depan akan ditentukan oleh keadaan tidak menentu berhubung ekonomi serantau dan ketegangan yang kian meruncing di Indonesia dalam ketiadaan berita yang boleh memberangsangkan pasaran, kata penganalisis.

Para pelabur mungkin akan mengharapkan penunjuk-penunjuk daripada ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sidang kemuncian negara-negara membangun Kumpulan 15 di Kaherah pada hari Isnin ini dalam minggu urusan yang dipendekkan minggu depan.

BSKL akan ditutup Isnin ini sempena cuti perayaan Hari Wesak.

Sebarang insentif yang menarik pada hujung minggu ini amat diharap-harapkan oleh pasaran yang kini tertekan oleh kedudukan kewangan sektor korporat, lebih-lebih lagi firma-firma broker saham.

Berita bahawa lesen Labuan Securities dan MBF Northern Securities Sdn Bhd telah digantung akan meninggalkan kesan negatif ke atas sentimen pasaran minggu depan, kata seorang penganalisis.

"Satu-satunya yang sedang meningkat naik sekarang adalah pinjaman yang belum dijelaskan dan ini amat membimbangkan pasaran," katanya.

Tekanan selanjutnya mungkin berpunca dari prospek bahawa ekonomi Jepun menghala ke arah kemelesetan dan matawang yuan China pula akan diturunkan nilainya, kata penganalisis itu.

Katanya terdapat juga kebimbangan bahawa Amerika Sarikat sedang mempertimbangkan untuk menaikkan kadar faedah jangka pendek sebanyak 25 asas mata, yang bererti pengurus dana Amerika Syarikat akan mendapati adalah terlalu mahal untuk meminjam untuk tujuan pelaburan.

Sepanjang minggu ini, Indeks Komposit jatuh 45.92 mata kepada 580.05, Indeks Emas pula susut 11.06 mata kepada 146.49 dan Indeks Perusahaan merosot sebanyak 62.91 mata kepada 1,085.15. Indeks Papan Kedua jatuh 10.06 mata kepada 125.28.

Pasaran dibuka rendah pada awal minggu disebabkan urusan Omega Securities Sdn Bhd dihentikan serta Standard and Poor's menurunkan penarafan matawang tempatan Tenaga Nasional Bhd kepada A- daripada A+.

Harga-harga saham di BSKL turun naik sebelum melantun semula ekor terbitan angka-angka lebihan dagangan yang memberangsangkan bagi bulan Mac, iaitu sebanyak RM3.7 bilion.

Jumlah dagangan di papan utama minggu ini melonjak kepada 613.011 juta saham bernilai RM1.701 bilion daripada 301.305 juta saham bernilai RM737.388 juta minggu lalu, manakala jumlah dagangan di papan kedua pula meningkat kepada 49.246 juta saham bernilai RM75.115 juta daripada 27.239 juta saham bernilai RM45.781 juta sebelumnya.

Dagangan di luar pasaran merosot kepada 32.265 juta saham bernilai RM94.537 juta daripada 78.634 juta saham bernilai RM211.522 juta minggu sebelumnya.

Pendatang baru di papan kedua PLB Engineering Bhd, yang dibuka sama tara dengan harga terbitannya, iaitu RM2.60, ditutup minggu ini pada harga RM2.12.

Tenaga Nasional mendahului senarai 10 kaunter paling cergas dan ditutup pada RM6.30, jatuh RM1.15, diikuti pula oleh Sime Darby, yang merosot 12 sen kepada RM3.18, RHB Capital turun 47 sen kepada RM2.30. Maybank rugi 70 sen menjadi RM10.30, Commerce Asset merosot 50 sen kepada RM2.30, Magnum jatuh 23 sen kepada RM2.27, United Engineers susut 27 sen kepada RM2.72. Telekom turun 40 sen kepada RM10.80, tetapi MISC-Foreign naik 20 sen kepada

RM6.70, manakala Rekapacific jatuh lapan sen kepada 42 sen.

Daripada segi jumlahnya pula, Tenaga Nasional diniagakan sebanyak 30.309 juta saham, Sime Darby 23.322 juta, RHB Capital 15.627 juta, Maybank 14.051 juta, Commerce Asset 12.951 juta, Magnum 12.607 juta, United Engineers 11.961 juta, Telekom 11.161 juta, MISC-Foreign 9.120 juta dan Rekapacific 9.087 juta.

Mengikut sektor, barangan pengguna diniagakan sebanyak 40.143 juta saham di papan utama, barangan perusahaan sebanyak 56.559 juta, pembinaan 51.446 juta, dagangan/perkhidmatan 179.980 juta, prasarana 4.149 juta, kewangan 109.136 juta, hotel 2.537 juta, harta 67.573 juta, perladangan 34.006 juta, perlombongan 3.171 juta, amanah 761,689, dana tertutup 720,000, stok pinjaman 15.966 juta, TSR/waran 46.858 juta. -- BERNAMA

YY MA